

0059

R B452 BAH
MAHATHIR - KEMISKINAN

1985

KUALA LUMPUR, 15 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENASIHATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA TURUT SERTA MENGATASI MASALAH KEMISKINAN DENGAN MENGUNJUNGI KAWASAN-KAWASAN YANG TERLIBAT SUPAYA DAPAT SAMA-SAMA MERASAKAN KEADAAN YANG SEBENAR.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN BELIAU BANGGA DENGAN USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN OLEH ANGGOTA-ANGGOTA PARTI SEPERTI MEMUNGUT DERMA UNTUK MENGATASI MASALAH ITU, ADALAH LEBIH BAIK SEKIRANYA MEREKA PERGI KE KAWASAN-KAWASAN BERKENAAN DENGAN MEMBERI NASIHAT DAN Mencari JALAN UNTUK MENGATASINYA.

+ DENGAN CARA INI, USAHA MEMBASMI KEMISKINAN AKAN LEBIH BERMAKNA JIKALAU KITA SAMA-SAMA MERASAKANNYA DAN MENDAPAT KESEDARAN DARI PENGALAMAN ITU, + KATANYA DI MALAM CETERABUDI ANJURAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO PERAK DAN JOHOR DI SEBUAH HOTEL DI SINI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN PARTI.ITU BERBANGGA DENGAN USAHA PERGERAKAN ITU YANG MENGAMBIL SESEBUAH KAMPUNG MISKIN SEBAGAI KAMPUNG ANGKAT DALAM USAHA MEMAHAMI DAN MENGATASI MASALAH ITU.

+ BAGAIMANAPUN, MEMANDANGKAN KITA SEMEMANGNYA TIDAK TERTARIK DENGAN MENTALITI +SUBSIDI,+ ADALAH BAIK ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MENGUNJUNGI KAWASAN-KAWASAN ITU DAN MERAPATKAN DIRI DENGAN MASALAH YANG DIHADAPI DAN BERSAMA-SAMA BERUSAHA MEMBASMINYA, + KATANYA.-- LAGI

0354MST 15 03 85

0061

R B453 BAH
MAHATHIR-KEMISKINAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA KESEDARAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO TERHADAP MASALAH KEMISKINAN TELAH WUJUD SEMENJAK PENUBUHAN PARTI ITU LAGI.

MENURUTNYA WALAUPUN KESEDARAN TERSEBUT TELAH WUJUD KETIKA BELIAU MENYERTAI UMNO, MEREKA PADA MASA ITU TIDAK MAMPU UNTUK MENGATASINYA. BELIAU JUGA MEMBIDAS SIKAP GOLONGAN YANG IRI HATI TERHADAP GOLONGAN MISKIN YANG BERJAYA MENDAPATKAN KEKAYAAN.

+ MEREKA PATUT MENYEDARI BAHAWA SIMISKIN DITOLONG SUPAYA TIDAK MENJADI MISKIN DAN SEANDAINYA GOLONGAN TERSEBUT DAPAT MENJADI KAYA, KITA PERLU MENGANGGAPNYA SEBAGAI KEJAYAAN KITA BERSAMA +, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT GOLONGAN YANG BELUM MENCAPAI KEJAYAAN, CARA HIDUP MEREKA SEDIKIT SEBANYAK TELAH BERUBAH TERUTAMANYA SEMENJAK TERDAPAT USAHA MEMPERBAIKI TARAF HIDUP MEREKA DI LUAR BANDAR.

SELAIN DARIPADA BERUSAHA MENINGGIKAN PENDAPATAN GOLONGAN MISKIN, BELIAU BERKATA PERGERAKAN PEMUDA UMNO JUGA PERLU BERUSAHA MEMPERTINGKATKAN DAYA PENGELUARAN GOLONGAN YANG DIBANTU ITU. -- LAGI
0003MST 16 03 85

0062

R B454 BAH
MAHATHIR - KEMISKINAN 3 KUALA LUMPUR

+ DENGAN DAYA PENGELUARAN YANG TINGGI, MASYARAKAT DAPAT MENGELUARKAN BARANG YANG BANYAK DENGAN PERBELANJAAN YANG SIKIT DAN USAHA TERSEBUT DAPAT MENGURANGKAN KEMISKINAN, + TAMBAHNYA.

+ SEANDAINYA KITA HANYA MEMANJAKAN MASYARAKAT DENGAN PERTOLONGAN SENATA-MATA, LANGKAH ITU AKHIRNYA AKAN MEMBEBAHKAN SAHAJA, + KATANYA.

TURUT HADIR DI MAJLIS TERSEBUT IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM, KETUA PEMUDA UMNO ENCIK ANWAR IBRAHIM, KETUA WANITA UMNO DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, MENTERI-MENTERI, MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA BAHAGIAN UMNO.

MAJLIS ITU BERTUJUAN MENGUTIP DERMA UNTUK PROJEK-PROJEK SOSIO-EKONOMI DAN POLITIK PERGERAKAN PEMUDA UMNO JOHOR DAN PERAK. --
BERNAMA 0008MST 16 03 85